

MERBAH TELINGA MERAH
Red-whiskered Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus jocosus*



CIRI-CIRI

Burung dewasa sub-spesies *P.j. pattani*, mempunyai jambul tegak yang berwarna hitam, garisan di atas bahagian paruh yang berwarna hitam, bahagian telinga dan bawah badan berwarna putih manakala bahagian penutup telinga dan bahagian bawah ekor adalah berwarna merah. Bahagian atas badan selalunya berwarna coklat pudar, ekor berwarna hitam dengan bahagian luar ekornya berwarna putih, manakala terdapat garis-garis kehitaman di bahagian dada. Bagi burung juvenil pula, warna keseluruhan adalah coklat, jambul agak pendek, warna merah di bahagian telinga agak pudar dan bahagian bawah ekor adalah agak kemerahan. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 18- 20.5 sm.

MAKANAN

Buah-buahan kecil dan serangga-serangga kecil.

HABITAT

Hutan sekunder, kawasan semak, kawasan terbuka dan kawasan pertanian, sehingga ketinggian 1,800 m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi yang pelbagai; *wit-ti-waet*, *queep kwil-ya*, *queek-kay*. Kadangkala ia mengeluarkan bunyi *proopp*.... yang kuat.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah Januari-Ogos. Sarang berbentuk cawan dan di bina di kawasan semak dan ketinggian sarang adalah sehingga 1.8 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur. Telur berwarna putih, putih kemerahan atau merah jambu dengan tompok-tompok kecil berwarna ungu pudar kehitaman. Anggaran saiz telur adalah 22.2 x 16.2 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.